

UTUSAN MALAYSIA 16 JUN 2015


PAC kurang puas hati

KUALA LUMPUR 15 Jun - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) kurang berpuas hati dengan prestasi keseluruhan agensi kerajaan dan kementerian seperti yang dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri 2.

Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, pihaknya terkejut dengan laporan yang dibentangkan kerana terdapat lebih banyak kelemahan dikesan berbanding laporan sebelum ini.

"Saya agak sedih apabila melihat laporan tersebut terutama menge-

nai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang banyak kelemahan dari segi pengurusan kewangan sedangkan kesalahan mereka itu sepatutnya boleh dielakkan.



NUR JAZLAN

"Apa pun kita nak tegaskan kepada agensi kerajaan dan kementerian bahawa kami sedang memerhati anda, tidak bermakna kalau kita dah siasat sekali, maka kita tidak akan pantau mereka lagi. Kita akan pantau dan siasat sampai semua penjawat awam mematuhi peraturan yang ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam

sidang akhbar selepas memengerusikan mesyuarat PAC bersama Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berhubung pembentangan Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri 2, di Parlimen hari ini.

Menurut Nur Jazlan, antara perkara berbangkit yang akan ditumpukan PAC dalam prosiding akan datang adalah berhubung projek Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani iaitu Replikasi Model Penternakan Akuakultur Bersepadu (IZAQ).

Beliau berkata, isu yang timbul dalam projek bernilai RM2.142 bilion itu ialah tidak siap mengikut masa serta tidak menepati sasaran kemajuan yang ditetapkan.